

01/06/2002

FMM cadang cukai korporat diturunkan

PERSEKUTUAN Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mencadangkan supaya cukai korporat dikurangkan kepada 24 peratus daripada 28 peratus bagi menyaingi cukai lebih rendah dan insentif lebih menarik yang ditawarkan beberapa negara jiran.

"Pengurangan itu akan terus mengukuhkan lagi sektor swasta bagi menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi," kata FMM dalam memorandum yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada sesi kedua Dialog Belanjawan 2003, di Putrajaya, semalam.

Dialog sesi kedua separuh hari yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemakan 'Memupuk Sektor Swasta Yang Dinamik dan Berdaya Tahan' itu dihadiri wakil persatuan yang terbabit dalam pelbagai industri dan agensi kerajaan.

FMM juga mencadangkan cukai korporat bagi industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi diturunkan kepada 10 peratus bagi menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) serta pelaburan domestik dalam industri berkenaan.

Persekutuan itu turut mencadangkan penurunan yang sama dalam cukai pendapatan individu kepada 24 peratus daripada 28 peratus supaya ia sejajar dengan cadangan cukai pendapatan korporat.

Ini bagi menggiatkan usaha kerja dan menyediakan insentif lebih baik bagi golongan profesional dan pekerja berpengetahuan," kata FMM.

(END)